

# 27 tukun tiruan diletakkan di dua perairan

SH 13/9/2019 ms 29

ROMPIN - Jabatan Perikanan Pahang akan menempatkan 27 unit tukun tiruan jenis kuboid di perairan Pulau Tioman dan Rompin di sini.

Tukun tiruan berharga RM493,000 dengan berat 10 tan setiap satu itu akan dilabuhkan dalam jarak lima batu nautika pada kedalaman 15 meter.

Pengarah Jabatan Perikanan Pahang, Datuk Azahari Othman berkata, penempatan tukun tiruan di perairan Rompin kali ini dilakukan semula selepas hampir sembilan tahun.

"Tukun akan disusun pada jarak 4.5 meter antara satu sama lain manakala jarak susunan di perairan Pulau Tioman ialah dua

batu nautika dari pantai membabitkan kedalaman 20 meter.

"Tukun tiruan konkrit empat segi itu akan berfungsi sebagai tempat pembiakan pelbagai jenis ikan seperti kerapu, kerisi, merah, selar kuning dan kembung," katanya pada Majlis Pelancaran Tukun Tiruan di Tanjung Gemuk di sini semalam.

Teks ucapan beliau dibacakan oleh Ketua Cawangan Pengurusan Sumber dan Pelesenan Jabatan Perikanan Pahang, Ahmad Fa'idzi Kastolany sebelum pelepasan tukun ke laut.

Azahari berkata, tukun tiruan konkrit turut berfungsi sebagai penghalang atau penyekat aktiviti nelayan pukat tunda yang sebelum ini banyak dilaporkan di perairan negeri.



Sebahagian pegawai Jabatan Perikanan Pahang yang terlibat dalam majlis pelancaran semalam.